



**JABATAN AKAUNTAN NEGARA MALAYSIA  
NEGERI PERLIS**

Tingkat 3, Bangunan Persekutuan  
Persiaran Jubli Emas  
01000 Kangar  
PERLIS

Telefon : 04-9762766/9762735  
04-9762657/9762744  
Faks : 04-9762668  
Laman Web : <http://portalpp.anm.gov.my/perlis>

Ruj. Kami : ANM.PS(A)0043JLD.11(23)  
Tarikh : 15 Disember 2023

Semua Ketua Jabatan Persekutuan / Ketua Pusat Tanggungjawab

Tuan/Puan,

**PENYEDIAAN SIJIL PERAKUAN PANJAR WANG RUNCIT AKHIR 2023**

Dengan segala hormatnya perkara di atas adalah dirujuk.

2. Menurut Arahan Perbendaharaan 113(f) telah dinyatakan bahawa "*Pada penghujung tahun semua pemegang panjar hendaklah mengemukakan satu salinan Sijil Perakuan Panjar bersama-sama rekupmen terakhir bagi tahun tersebut kepada Akauntan Negara dengan satu salinan kepada Ketua Audit Negara. Sijil Perakuan Panjar perlu dikemukakan bersama-sama rekupmen akhir ke Pejabat Perakaunan di mana rekupmen dibuat dan apungan berada*".

3. Sehubungan itu, semua pemegang panjar di Pusat Tanggungjawab(PTJ) diminta untuk menyediakan dan menghantar dokumen di bawah kepada Jabatan Akauntan Negara Negeri Perlis selewat-lewatnya pada **5 Januari 2024**.

- |                                      |   |
|--------------------------------------|---|
| 3.1 Sijil Perakuan Panjar            | - 3 salinan   |
| 3.2 Lampiran I                       | - 3 salinan   |
| 3.3 Lampiran II                      | - 3 salinan   |
| 3.4 Buku Wang Runcit                 | - 3 salinan   |
| 3.5 Salinan Baucar rekupmen terakhir | - 3 salinan (dicop REKUPMEN TERAKHIR dan ditandatangani salinan diakui sah) |

4. Bersama-sama ini dilampirkan tatacara penyediaan dokumen berkenaan untuk tindakan selanjutnya.

Sekian, terima kasih.

**"MALAYSIA MADANI"**  
**"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"**  
**"Memperkasakan Budaya Inovasi Pendigitalan"**

Saya yang menjalankan amanah,

  
(DATIN SALWANI BINTI RAHMAT C.A.(M) )  
Pengarah Negeri  
Jabatan Akauntan Negara Malaysia  
Negeri Perlis.